



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 / 8 / 2017



DR. MAHATHIR yang merupakan saksi utama kes kerugian akibat urus niaga mata wang asing oleh BNM sekitar 1990-an gagal menangkahkan prosiding RCI yang bermula hari ini selepas permohonannya ditolak oleh Mahkamah Rayuan Jumaat lalu.

MENCARI KEBENARAN...

UM - 21/8/2017 Pg. 13

KIRA-KIRA pukul 3.30 petang Khamis lalu, bekas Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Murad Khalid menerima sapina untuk hadir pendengaran prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) di Istana Kehakiman, Putrajaya hari ini.

Ditanya *Utusan Malaysia* semalam, pukul berapa beliau akan beri keterangan, katanya:

"Giliran saya di sebelah petang... mungkin orang yang ketiga atau keempat, sebelah pagi agaknya beberapa staf yang pernah bertugas di Bank Negara semasa itu (1990-an)." Yang ditunggu-tunggu 21 Ogos 2017 akhirnya tiba jua. Pendengaran prosiding RCI itu berhubung satu kes penyelewengan wang yang cukup besar pada 1980-an dan 1990-an.

Selama lima minggu dalam 10 tarikh prosiding bermula pukul 9 pagi ini, RCI akan mendengar segala keterangan, fakta dan bukti-bukti berkaitan skandal yang dikatakan 'sejaga ditutup' itu.

Ini kerana tiada sebarang tindakan diambil terhadap pelaku-pelakunya, padahal yang hilang itu adalah wang rakyat.

Prosiding bukan sekadar memanggil saksi-saksi memberi keterangan tetapi akan turut disertai para pegawai penyiasat, Peguam Negara dan ramai orang penting.

Mengikut hierarki pentadbiran kerajaan pada masa itu, amat wajar Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangannya, Tun Daim Zainud-



ZULKIFLI JALIL

zul_jalil70@yahoo.com

din dipanggil memberi keterangan.

Rakyat perlu dimaklumkan tentang jumlah sebenar kerugian yang dialami oleh BNM. Siapa yang bertanggungjawab dan adakah terdapat mana-mana pihak membuat keuntungan dalam transaksi tersebut serta kenapa tiada siasatan yang dijalankan?

Lebih RM25 bilion wang simpanan BNM lesap. Tetapi mengapa hanya diisytiharkan yang hilang cuma RM9 bilion?

Apakah yang cuba disembunyikan? Dengan kerugian sebanyak itu, BNM sebenarnya sudah bankrap dan ini bukan akibat kerugian atas kertas sahaja. Kalau ketika itu rakyat diberitahu bahawa BNM kerugian lebih AS\$10 bilion, Dr. Mahathir yang merupakan Perdana Menteri waktu itu sepatutnya sudah meletakkan jawatan.

Perbuatan itu suatu pengkhianatan dan memalukan BNM, negara dan rakyat. Yang mengejutkan, tidak ada orang dihukum atas kesalahan membankrapkan BNM. Sedangkan BNM adalah bank pusat di Malaysia dan sebuah institusi yang sangat unggul dan dihormati. Mereka yang membankrapkan BNM adalah pengkhianatan dan patut dihukum.

Disebabkan kerugian tersebut, simpanan BNM menyusut kepada AS\$20 bilion pada masa itu. BNM

Tarikh-tarikh pendengaran prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI):

1. 21 Ogos 2017 Isnin
2. 24 Ogos 2017 Khamis
3. 29 Ogos 2017 Selasa
4. 30 Ogos 2017 Rabu
5. 6 September 2017 Rabu
6. 7 September 2017 Khamis
7. 18 September 2017 Isnin
8. 19 September 2017 Selasa
9. 20 September 2017 Rabu
10. 21 September 2017 Khamis

Sesi pagi:

9 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Sesi petang:

2.30 petang hingga 5 petang.

kehilangan satu pertiga atau lebih 30 peratus daripada simpanannya. Dari segi jumlah keseluruhan pendedahan dagangan pertukaran asing, ia sangat besar iaitu melebihi RM300 bilion, lebih 10 kali ganda daripada jumlah simpanan BNM.

Ini jelas suatu pengkhianatan terhadap amanah yang diberikan oleh rakyat kerana mereka memperjudikan wang rakyat. Mengapa kesalahannya sebesar ini disembunyikan?

Jika wang AS\$10 bilion itu masih ada dan disimpan dengan kadar faedah terkumpul paling minimum sebanyak empat peratus setahun dari 1992 hingga sekarang, nilainya kini sudah melebihi RM100 bilion. BNM sekarang sepatutnya ada tambahan simpanan RM100 bilion jika tidak kerana skandal tersebut.

Kalau mereka yang didakwa

terlibat hendak mempertahankan mata wang ringgit, itu boleh diterima kerana itu sememangnya tugas BNM. Tetapi perdagangan tukaran itu tidak ada kena mengena langsung dengan ringgit.

Sebaliknya mata wang yang dibeli kebanyakannya adalah dolar AS, pound sterling, yen, mark Jerman, franc Switzerland dan franc Perancis.

Veteran DAP, Lim Kit Siang pernah memberitahu, skala urus niaga berkenaan lima kali lebih besar daripada rizab dan dua kali Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sehingga boleh menyebabkan Malaysia muflis jika urus niaga tidak berjalan lancar.

Pendengaran prosiding dan hasil siasatan RCI yang akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong pada 13 Oktober nanti itu juga akan merungkai satu lagi persoalan besar yang bermain dalam fikiran semua.

Seperti mana kata Abdul Murad: "Datuk Seri Anwar Ibrahim yang merupakan Menteri Kewangan pada masa itu mendakwa Tan Sri Nor Mohamed Yacop yang bertanggungjawab. Tetapi mengapa bekas Gabenor BNM, Allahyarham Tan Sri Jaffar Hussein yang diper-salahkan?"

"Saya sama sekali tidak percaya Allahyarham yang bertanggungjawab atas kerugian tersebut kerana beliau adalah seorang yang lurus, baik, amat cermat dan tidak suka pembaziran. Bagi memberikan keadilan dan membersihkan nama Allahyarham, kebenaran perlu didedahkan."